

28 NOV 1998

Mahathir-Pilihan raya

PILIHAN RAYA SABAH SEAWAL MUNGKIN, KATA PERDANA MENTERI

KOTA KINABALU, 28 Nov (Bernama) -- Tarikh sebenar pilihan raya negeri Sabah masih menjadi teka-teki apabila Perdana Menteri hari ini hanya berkata "ia akan diadakan secepat mungkin".

"Secepat mungkin, kita tidak boleh melewati tempoh tertentu. Kita tidak boleh sampai melepasi April, tentunya," katanya pada persidangan berita di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebelum berlepas ke ibu negara mengakhiri lawatan kerja dua hari ke negeri ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang semalam berkata pilihan raya negeri akan datang merupakan barometer kepada masa depan Barisan Nasional (BN), yakin bahawa BN akan memenangi pilihan raya berkenaan.

"Saya dapati semangat dan perpaduan meningkat banyak, sejak lawatan saya yang terakhir. Masing-masing nampak riang untuk menghadapi pilihan raya. Ini petanda yang baik untuk Barisan Nasional di Sabah," katanya.

Mengenai sejauhmana pilihan raya Sabah boleh dianggap sebagai barometer kepada BN, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata: "Setakat tertentu pastinya ia merupakan satu barometer tetapi tidak semestinya ia merupakan ukuran sepenuhnya mengenai masa depan BN."

Penggal pemerintahan kerajaan negeri sekarang berakhir 18 Mac tahun depan dan ramai menjangkakan pilihan raya akan diadakan dalam masa terdekat.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata sehingga kini beliau belum menerima senarai calon daripada Umno negeri yang bakal bertanding pada pilihan raya itu.

Mengenai kemungkinan pilihan raya umum dan pilihan raya negeri Sabah diadakan serentak, beliau berkata: "Kerajaan harus menimbangkan semua ini."

Ketika ditanya sama ada formula pembahagian kerusi kepada parti-parti komponen BN Sabah sedang dirangka, Perdana Menteri berkata: "Tidak, belum lagi."

Ditanya mengenai cakap-cakap kononnya mereka yang menyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim akan digugurkan daripada senarai calon, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu sesiapa yang dikaitkan dengan bekas timbalan perdana menteri itu.

Ketika ditanya mengenai ancaman Parti Bersekutu pimpinan bekas Ketua Menteri Sabah Datuk Harris Salleh terhadap BN, Dr Mahathir berkata iaa tidak akan memberikan hasil.

"Saya fikir ia tidak akan memberi kesan. Seperti biasalah Parti Bersekutu cuba main duit. Dulu Parti Berjaya bagi dividen daripada duit yang dipinjam lepas itu apabila dia kalah, kerajaan kena tanggung.

"Kali ini dia janji nak bagi duit kepada rakyat Sabah...sebaliknya kita tidak boleh membuat tawaran semacam itu. Tetapi dia ingat dia tidak rugi apa-apa dengan membuat tawaran seperti itu sebab dia tidak fikir menang," kata Dr Mahathir.

Mengenai isu penyerahan pulau Labuan kepada Kerajaan Persekutuan yang kembali diperkatakan di negeri ini, Dr Mahathir berkata: "Mereka (Parti Bersekutu) hanya mahu menimbulkan isu."

Beliau juga berkata kerajaan Persekutuan akan mengkaji kemungkinan menyediakan bantuan kewangan bagi perbelanjaan pembangunan Sabah.

-- BERNAMA

MAM/JS RON